

PERANAN PENTADBIR MAJUKAN UNIVERSITI



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

HARI ini cabaran menguruskan sebuah universiti menjadi semakin kompleks. Ini kerana peranan dan tanggungjawab sebuah universiti sudah semakin pelbagai dan bukan lagi berfokus kepada mengeluarkan graduan semata-mata.

Bilangan universiti awam (UA) misalnya yang sudah mencecah angka 20 menunjukkan kesuburan kemajuan sektor pendidikan tinggi negara yang mula mewujudkan kluster universiti mengikut kepakaran serta keperluan pasaran kerja semasa. Ini menyebabkan bilangan graduan yang dikeluarkan semakin meningkat dan ditambah pula dengan persaingan dari graduan keluaran universiti dan juga kolej swasta baik dalam mahupun luar negara.

Maka timbul persoalan apakah UA di negara ini mampu meneruskan agenda memartabatkan sektor pendidikan tinggi ke peringkat global di samping memenuhi kehendak masyarakat dan negara? Dalam hal ini perlu diingat betapa komponen dan pemegang taruh utama bagi sesebuah universiti adalah pelajar, kelompok staf dalam kalangan ahli akademik dan juga bukan akademik, pihak pengurusan universiti serta pihak berkepentingan lain seperti lembaga pengarah, ibu bapa dan juga masyarakat secara keseluruhannya manakala kumpulan pentadbir dalam konteks universiti dirujuk kepada pegawai kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik.

Kumpulan pentadbir di UA ini terdiri dari pelbagai skim per-



PENTADBIR memainkan peranan yang amat besar dalam menentukan kedudukan universiti awam sebagai antara yang terbaik di Asia dan juga di peringkat dunia. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

khidmatan seperti pegawai tadbir, pegawai penyelidik, pegawai pertanian, pegawai kewangan, pegawai teknologi maklumat dan sebagainya yang merangkumi hampir 7,000 orang pentadbir dan mereka bernaung di bawah payung Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam atau lebih dikenali sebagai MASTI. Mereka ini menjadi tulang belakang dalam setiap portfolio utama universiti seperti dalam urusan akademik dan pengantarabangsaan, hal ehwal pelajar dan alumni, penyelidikan dan inovasi serta jaringan industri dan masyarakat.

Dalam aspek akademik dan pengantarabangsaan misalnya, golongan pentadbir memainkan peranan sebagai fasilitator dan juga pemudah cara dalam memastikan pegawai akademik dapat fokus kepada sesi pengajaran dan pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan harmoni.

Pentadbir juga menjadi tulang belakang dalam menjaga hal ehwal kebajikan pelajar universiti. Secara lazimnya pentadbir akan diamanahkan untuk mengetuai Bahagian Hal Ehwal Pelajar sesebuah universiti. Mela-

lui pelantikan ini pentadbir dapat menyumbang tenaga dan idea dalam memastikan segala urusan berkaitan kebajikan pelajar seperti aspek makanan, kewangan, pengangkutan, sahsiah dan aktiviti kokurikulum pelajar dapat diuruskan dengan baik dan lancar.

Begitu juga halnya peranan pentadbir dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Pegawai penyelidik misalnya sering menjadi tulang belakang membantu barisan pakar dan penyelidik universiti menghasilkan pelbagai penemuan dan inovasi baharu. Hal ini menjadi semakin signifikan apabila kerajaan mengiktiraf beberapa UA seperti Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Universiti Penyelidikan. Pengiktirafan ini sekali gus meningkatkan tahap sumbangan pentadbir dari skim pegawai penyelidik ke peringkat yang lebih tinggi sehingga ramai telah memiliki kelayakan ijazah doktor falsafah (PhD).

Hakikatnya, peranan pentadbir dalam menyokong pihak pengurusan universiti semakin meningkat apabila pihak kerajaan dan juga universiti mula meletakkan beberapa petunjuk pres-

tasi utama (KPI) sebagai sasaran yang perlu dicapai. Antaranya keperluan meningkatkan ranking UA dalam pelbagai penarafan di peringkat antarabangsa demi meletakkan kedudukan universiti dan sektor pendidikan tinggi kita ke suatu tahap yang global dan diiktiraf di peringkat dunia.

Penulis percaya pentadbir telah memainkan peranan yang amat signifikan dalam hal ini apabila baru-baru ini keputusan QA University World Rankings (Asia) 2016 menyaksikan lima UA berjaya meletakkan organisasi mereka dalam kumpulan 100 universiti terbaik Asia dengan dua daripadanya berada pada kedudukan tangga bawah 50 iaitu Universiti Malaya (27) dan Universiti Putra Malaysia (49).

Justeru bagi menghargai segala sumbangan barisan pentadbir ini, MASTI dengan kerjasama strategik bersama KPT, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan juga Majlis Pendaftar UA mengadakan Hari Pentadbir UA hari ini di AKEPT. Dengan tema 'Pentadbir Pemangkin Transformasi Universiti', program ini menghimpunkan semua pentadbir UA yang bertujuan mempromosikan pencapaian pentadbir UA selama ini.

Beberapa anugerah akan disampaikan dalam majlis ini iaitu Anugerah Kepimpinan Perdana MASTI, Anugerah Pentadbir Terbilang UA serta Anugerah Pentadbir Cemerlang mengikut beberapa kategori. Semoga usaha murni seperti ini akan terus meningkatkan semangat pentadbir universiti agar terus berperanan secara aktif serta menjadi pemangkin transformasi universiti demi memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia